

## BAB 4

### ANALISIS ASPEK PENGGUNAAN KATA AKHBAR *BERITA HARIAN*

#### 4.1 Pengenalan

Sebagai hasil penelitian terhadap data yang telah dikutip dan dihimpunkan daripada akhbar *Berita Harian* (1957–1999), dalam bab ini akan dikemukakan analisis aspek pertama dalam kajian ini, iaitu aspek penggunaan kata sebagai salah satu unsur retorik. Sesuai dengan dapatan dengan berdasarkan data daripada korpus, telah dilakukan pengubahsuaian sedikit tentang aspek-aspek penggunaan kata yang dianalisis daripada kerangka yang digariskan untuk menjadi asas analisis data. Dalam kerangka yang digariskan lebih awal sebelum data dihimpunkan dan dianalisis, aspek-aspek yang dirancang akan ditinjau ialah:

1. kata konkrit lawan abstrak
2. kata neutral lawan emotif
3. kata adjektif khusus lawan kata adjektif kabur
4. kata lazim lawan kata jargon
5. kata asli lawan kata pinjaman.

Sesudah meneliti data daripada korpus, pengubahsuaian dilakukan supaya kajian ini tidak bersifat memaksakan data menurut kerangka analisis, sebaliknya supaya data yang ditemukan dapat menghasilkan pola dapatan tentang penggunaan kata dalam akhbar yang dikaji. Oleh itu, aspek-aspek yang dikaji, berdasarkan kekerapan data yang dikutip menjadi:

1. kata abstrak/tidak lazim/le wah
2. kata bernada emotif
3. kata adjektif yang kabur maknanya

4. istilah/jargon
5. kata pinjaman
6. kata rancu
7. ungkapan

Dengan berdasarkan prinsip penggunaan kata untuk retorik kewartawanan seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 3 (lihat 3.4.4), aspek-aspek yang dinyatakan di atas dikira sebagai unsur yang tidak atau yang kurang memenuhi ciri retorik kewartawanan yang berkesan. Rendah atau tingginya kekerapan unsur-unsur itu dalam sampel dijadikan asas petunjuk atau indikator berkesan atau kurang berkesannya penulisan kandungan akhbar yang dikaji. Maksudnya, rendahnya kekerapan atau frekuensi berkorelasi dengan kesimpulan berkesannya penulisan; sebaliknya tingginya kekerapan berkorelasi pula dengan kurang berkesannya penulisan.

Analisis dilakukan dengan memperlihatkan pola dan kekerapan penggunaan setiap unsur itu dan kesannya kepada retorik penulisan berita akhbar yang dikaji. Pemaparan analisis dibuat berdasarkan tahun (tahun 1957 hingga tahun 1999) dan dekad (dekad 1950-an, dekad 1960-an, dekad 1970-an, dekad 1980-an dan dekad 1990-an). Analisis tahunan akan memperlihatkan taburan unsur-unsur yang dikaji, sementara analisis dari dekad ke dekad diharapkan dapat memperlihatkan pola tertentu penggunaan kata dalam akhbar yang dikaji. Untuk mendapat gambaran taburan dan kekerapan unsur kata tahun demi tahun lihat Jadual 4.1 (hlm. 221-222).

#### **4.2 Analisis Menurut Tahun**

Untuk membuat membuat analisis penggunaan kata dalam korpus yang dikaji, iaitu akhbar *Berita Harian*, menurut tahun tertentu, data yang dikutip ditunjukkan dalam

Jadual 4.1. Berasaskan data dalam jadual tersebut, yang berikut ini ialah hasil analisisnya.

4.2.1 Bagi tahun 1957, Jadual 4.1 memperlihatkan penggunaan unsur kata seperti yang dipaparkan berikut ini.

Dalam kategori pertama, iaitu kata abstrak/tidak lazim/le wah, terdapat unsur kata yang le wah dan kata tidak lazim, tetapi tidak terdapat kata abstrak dalam sampel yang dikaji. Jumlahnya 4 (1.5%) dan satu daripadanya memperlihatkan penggunaan kata tidak lazim. Contoh kata le wah itu ialah:

- (1) ...pada tengah malam pada hari Sabtu
- (2) mereka-mereka
- (3) ...telah melancharkan suatu mogok sa-chara kilat.... (8 Julai 1957)

Contoh kata tidak lazim pula adalah seperti yang berikut:

- (1) Tuanku Abdul Rahman yang telah menjadi raja yang berperlembagaan semenjak tahun 1933 tentulah tidak berasa *segok* menjadi sa-orang Yang Di-pertuan Agong yang berperlembagaan yang mesti menerima nasihat menteri2-nya.  
(8 Julai 1957)

Dari sudut kejelasan penyampaian maklumat, ketiga-tiga bentuk (contoh (1), (2) dan (3)) itu sepatutnya dinyatakan sebagai:

- (1a) ...pada tengah malam Sabtu
- (2a) mereka
- (3a) ...telah melancarkan mogok kilat....

Kata *segok* pula yang bererti ‘janggal’ merupakan contoh kata yang tidak lazim digunakan. Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1996), kata itu merupakan kata dalam dialek Kedah dan Pulau Pinang.

Tentang istilah atau jargon, hanya satu (0.4%) data yang dapat dikesan daripada sampel, iaitu:

- (1) Yang di-Pertuan Agong yang *berpesalinan* baju kebangsaan....

(3 September 1957)

Kata *berpesalinan* yang bererti ‘berpakaian’ dalam dalam konteks di atas merupakan istilah yang menandai laras bahasa dalam atau laras bahasa diraja.

Bentuk kata yang rancu atau salah pun hanya terdapat pada satu sampel (0.4%), iaitu:

- (1) ...apabila mereka berjalan dengan band dari Royal marine *mempermainingkan* lagu “Hearts of Oak”.  
(3 September 1957)

Kata *mempermainingkan* ternyata bentuk yang menimbulkan makna yang lain, iaitu ‘memperolok-olokkan’, sedang bentuk yang betul maknanya ialah *memainkan*.

Akhirnya, berbanding dengan aspek-aspek yang telah dibincangkan di atas, aspek penggunaan kata pinjaman atau kata serapan lebih tinggi kekerapannya, iaitu 19 (7.1%), 5 dalam bulan Julai, 1 dalam bulan Ogos, 5 dalam bulan September, 3 dalam bulan Oktober, 1 dalam bulan November dan 4 dalam bulan Disember. Kata pinjaman yang lebih ketara ialah kata daripada bahasa Inggeris sementara yang lain ialah kata daripada bahasa Arab. Amat minimum kata pinjaman daripada bahasa lain.

Contohnya:

- |                           |                    |
|---------------------------|--------------------|
| (1) <i>custom</i>         |                    |
| (2) <i>launch</i>         |                    |
| (3) <i>polis</i>          |                    |
| (4) <i>warder</i>         |                    |
| (5) <i>marine</i>         | (8 Julai 1957)     |
| (6) <i>August</i>         | (5 Ogos 1957)      |
| (7) <i>uniform</i>        |                    |
| (8) <i>Royal marine</i>   |                    |
| (9) <i>Batallion</i>      |                    |
| (10) <i>Commonwealth</i>  |                    |
| (11) Protokol             | (3 September 1957) |
| (12) <i>party</i> politik |                    |
| (13) <i>disiplin</i>      |                    |

(14)	komiti	(14 Oktober 1957)
(15)	tawarikh	(11 November 1957)
(16)	kereta <i>saloon</i>	
(17)	<i>driver</i>	
(18)	ghaib	
(19)	taukeh	(9 Disember 1957)

Kata daripada bahasa Inggeris ternyata tidak tekal bentuknya atau kaedah penyerapannya ke dalam bahasa Melayu. Ada yang diambil terus tanpa diubahsuaikan bentuknya menurut rumus fonologi dan morfologinya, seperti *custom*, *launch*, *marine*, *August*, *uniform*, *battalion*, *Commonwealth*, *party*, *saloon*, *driver*. Ada pula yang telah mengalami pengubahsuaian menurut rumus bahasa Melayu seperti *polis*, *protokol*, *politik* dan *komiti*.

Dalam beberapa contoh di atas, ada kata majmuk yang terdiri daripada salah satunya atau semua unsurnya daripada kata bahasa Inggeris, sebilangannya kekal dalam bentuk asal. Contohnya ialah *Royal marine* (bentuk asalnya Inggeris), *party politik* (kedua-duanya asalnya Inggeris tetapi salah satu telah dimelayukan, iaitu kata *politik*) dan kereta *saloon* (satu unsur, iaitu *kereta* kata Melayu sementara satu unsur lagi kata Inggeris).

Dapatan daripada sampel akhbar *Berita Harian* 1957 menghasilkan rumusan aspek penggunaan kata seperti yang berikut:

1. Tidak banyak ditemukan data yang menonjol atau ketara tentang penggunaan kata yang lewah, iaitu 3 (1.1%) dan 1 (0.4%) pula penggunaan kata tidak lazim. Tiada penggunaan kata yang abstrak.
2. Tiada data yang ditemukan tentang penggunaan kata emotif, sebaliknya keseluruhannya yang menonjol ialah penggunaan kata yang neutral, iaitu kata yang mendukung makna referensial.

3. Tiada data yang ketara tentang penggunaan kata adjektif yang kabur atau terlalu umum, sebaliknya rata-rata diutamakan penggunaan kata adjektif yang merujuk kepada sifat, kualiti, darjah, kuantiti, keadaan dan suasana yang konkret maknanya.
4. Istilah dan jargon yang digunakan untuk merujuk kepada konsep khusus amat minimum, iaitu hanya 1 (0.4%) sahaja.
5. Kata pinjaman atau serapan daripada bahasa asing yang ketara asingnya tidak begitu menonjol, iaitu berjumlah 19 (7.1%).
6. Kata yang rancu, iaitu yang menyalahi sistem bahasa, khususnya tatabahasa pun agak rendah kekerapannya, iaitu 1 (0.4 %).
7. Tiada penggunaan ungkapan dalam sampel tahun ini.

4.2.2 Sampel tahun 1958 menunjukkan dapatan yang berikut. Dalam kategori kata abstrak, kata tidak lazim dan kata lewah, didapati ada 4 (1.1%) kata tidak lazim yang digunakan. Contohnya ialah:

- (1) ...sa-baleknya mereka menderaskan lagi perjalanan sampan itu ka-arah tempat yang *jangkat*.
- (2) Sampan yang di-pakai oleh penyeludop2 itu di-perchayai ada-lah sama dengan sampan yang *terbit* dalam perompakan \$27,000....
- (3) Pada akhir-nya sampan penyeludop itu dapat *di-kuasai*. (13 Januari 1958)
- (4) Tarikh *penamatan* perang hutan mengikut kehendak Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman ia-lah 31 August.... (3 Februari 1958)

Penggunaan kata *jangkat* yang bererti ‘cetek’ dalam contoh (1) tidak lazim dalam bahasa yang umum. Kata *terbit* pula ternyata kata dialek Kelantan yang bersinonim dengan kata *muncul*, dalam konteks ayat (2). Kata *di-kuasai* agak abstrak dan berbau metafora, sedang mesej yang hendak disampaikan ialah disampaikan dengan menggunakan kata yang lebih mudah difahami, seperti kata *ditahan*. Demikian juga kata *penamatan* dalam contoh (4) tidak lazim digunakan sebagai penerang kata nama

*tarikh*. Kata yang lebih lazim dan mudah untuk akhbar sebagai media massa ialah kata *tamat* sehingga dapat dibentuk frasa *tarikh tamat perang hutan*.

Kata pinjaman agak banyak terdapat dalam sampel tahun 1958, iaitu 27 (7.6%).

Contohnya:

(1)	paun	
(2)	kastam	
(3)	<i>speed-boat2</i>	
(4)	boat	
(5)	injin	(13 Januari 1958)
(6)	orang Malayan	
(7)	<i>General</i>	(3 Februari 1958)
(8)	<i>Presiden Party</i>	(10 Mac 1958)
(9)	<i>St. John Ambulance Brigade</i>	(7 April 1958)
(10)	<i>Polis lieutenant</i>	
(11)	Gelen	
(12)	kereta truck	
(13)	menghidap sterok	(12 Mei 1958)
(14)	pasukan simpanan atau <i>reserve</i>	
(15)	<i>Air Vice Marshal</i>	(30 Jun 1958)
(16)	Tenis	
(17)	<i>General Hospital</i>	
(18)	<i>Hospital</i>	
(19)	Motokar	
(20)	<i>Majlis Meshuarat Federal</i>	
(21)	<i>Ambulance</i>	(14 Julai 1958)
(22)	<i>radio</i>	
(23)	<i>film2</i>	(1 September 1958)
(24)	<i>Dewan Memorial Hall</i>	
(25)	<i>dictatorship</i> tentera	
(26)	demokratik	
(27)	imigresen	(27 Oktober 1958)

Dapat diperhatikan bahawa bentuk kata pinjaman yang digunakan dalam sampel tahun 1958 turut menunjukkan tidak tekalnya kaedah yang digunakan untuk mengeja kata-kata tersebut. Seperti pada sampel tahun 1957 juga, ada kata yang secara langsung diambil daripada bahasa asing, ada yang diubahsuaikan menurut rumus fonologi dan morfologi bahasa Melayu dan ada yang bercampur antara kata Inggeris dan kata Melayu atau kata asing telah dimelayukan dalam binaan kata majmuk.

Bagi kata yang rancu, terdapat 3 (0.8%) dalam sampel 1958 dan contohnya adalah seperti yang berikut:

- (1) Pemimpin2 MCA di-Perak dan Selangor kelmarin telah mengaku sokongan mereka bagi Sir Cheng Lock Tan dan telah menyelar *langkahan2* yang hendak menjatohkan-nya....
- (2) Tatkala berchakap kapada suatu meshuarat jawatan-kuasa *bekerja...* (10 Mac 1958)
- (3) ...*berchampor tangan* dalam soal politik Singapura. (27 Oktober 1958)

Kata *langkahan2* dalam ayat (1) diberi akhiran yang tidak perlu; demikian juga kata *bekerja* dalam frasa itu tidak memerlukan awalan kerana *jawatan-kuasa kerja* merupakan kata majmuk yang sedia persis atau tepat. Akhirnya, penggunaan awalan pada kata *champor tangan* menjadikan kata itu salah bentuknya kerana *champor tangan* sudah sempurna sebagai kata majmuk nama. Kerancuan seperti tiga contoh itu mengurangkan kekuatan retorik penulisan berita akhbar yang dikaji.

Penggunaan kata yang termasuk dalam kategori ungkapan ditemukan dalam sampel 13 Januari 1958, iaitu kata majmuk *menyerang hendap* yang merupakan pemanfaatan unsur bahasa berkategori kata kerja majmuk dalam bentuk yang dapat dianggap ungkapan.

Dapatan daripada sampel tahun 1958 menghasilkan rumusan yang berikut:

1. Tidak terdapat penggunaan kata yang abstrak dan lewah, tetapi terdapat sejumlah kecil kata yang tidak lazim, iaitu 4 (1.1%).
2. Tiada data yang menunjukkan penggunaan kata bernada emotif.
3. Tiada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Kosa kata yang digunakan keseluruhannya kata yang umum dan tiada jargon atau istilah khusus yang ditemukan.
5. Kata pinjaman yang terdapat dalam sampel agak ketara, iaitu 27 (7.6%).

6. Kata yang rancu tidak banyak ditemukan, iaitu hanya 3 (0.8%).
7. Penggunaan ungkapan tidak menonjol, iaitu hanya 1 (0.3%)

4.2.3 Tahun 1959 menunjukkan dapatan analisis seperti yang berikut. Hanya ada 1 (0.3%) penggunaan kata tidak lazim dalam sampel. Contoh penggunaan kata tersebut ialah:

- (1) ... lelaki tua yang *mengenakan tongkat*. (2 Februari 1959)

Kata *mengenakan* yang bererti ‘*memakai*’ (seperti *mengenakan baju*) tidak sesuai dan tidak jelas maknanya dalam contoh tersebut. Bentuk kata yang lebih sesuai ialah *menggunakan tongkat* atau *bertongkat* sahaja.

Terdapat 3 (1.0%) kata istilah yang digunakan. Contoh penggunaan istilah yang terdapat dalam sampel ialah :

- |                  |                     |
|------------------|---------------------|
| (1) Rumah pasong | (4 Mei 1959)        |
| (2) rumah sakit  |                     |
| (3) tabib        | (21 September 1959) |

Penggunaan istilah tersebut menggambarkan penerimaan umum untuk konsep yang diwakili, sesuai menurut waktu atau zaman akhbar tersebut diterbitkan. *Rumah pasong* ialah istilah bagi *balai polis*, *rumah sakit* bagi *hospital*, dan *tabib* bagi *doktor*.

Penggunaan kata pinjaman pula adalah sebanyak 11 (3.6%) pada tahun tersebut.

Contoh penggunaannya adalah seperti yang berikut:

- |                                      |              |
|--------------------------------------|--------------|
| (1) expat                            |              |
| (2) expatriate                       |              |
| (3) ranchangan <i>Malayanization</i> |              |
| (4) pegawai super-scale              |              |
| (5) ranchangan <i>special list</i>   | (2 Mac 1959) |
| (6) report-lah                       | (4 Mei 1959) |
| (7) Gabnor                           |              |
| (8) Kerani Municipal                 | (1 Jun 1959) |

(9)	kempen	(20 Julai 1959)
(10)	demokrasi	
(11)	parlemen	(31 Ogos 1959)

Seperti juga dalam sampel 1957 dan 1958, penggunaan kata pinjaman dalam sampel 1959 tidak berasaskan kaedah yang tekal. Ada yang diambil secara langsung daripada bahasa asing seperti *expatriate*, *Malayanization super-scale*, *special list*, *report* dan *Municipal*. Ada yang telah mengalami penyesuaian menurut rumus bahasa Melayu seperti *Gabnor*, *demokrasi* dan *parlemen*. Demikian juga ada kata daripada bahasa asing yang digunakan untuk membentuk kata majmuk yang dipadukan dengan kata bahasa Melayu seperti *ranchangan Malayanization*, *pegawai super-scale* dan *ranchangan special list*.

Satu unsur lain ialah penggunaan kata asing dalam bentuk yang diperlakukan seolah-olah kata bahasa Melayu apabila diberi unsur tatabahasa. Dalam contoh di atas terdapat kata *report-lah*, iaitu penggunaan partikel-*lah* yang diletakkan sesudah kata *report*.

Akhirnya, bentuk kata rancu yang terdapat dalam sampel 1959 ialah kata *beranchang* seperti dalam ayat "...ia menyatakan bahawa pemberontak Indonesia sedang *beranchang* hendak mendirikan sa-buah 'Negara Melayu Islam'...." Kata yang tepat menurut morfologi bahasa Melayu ialah *merancang*.

Tahun 1959 masih memperlihatkan pola yang sama dengan tahun 1957 dan 1958. Pola itu dapat dirumuskan sebagaimana yang berikut:

1. Penggunaan kata tidak lazim hanya ada 1 (0.3%) sahaja dalam sampel sepanjang tahun 1959, iaitu dalam sampel bulan Februari. Tiada data penggunaan kata abstrak dan kata lewah.
2. Tidak ditemukan data penggunaan kata emotif.
3. Tidak ditemukan kata adjektif yang kabur.
4. Penggunaan istilah hanya ada 3 (1.0%) dalam sampel bagi tahun 1959, iaitu 1 dalam bulan Mei dan 2 dalam bulan September.
5. Penggunaan kata pinjaman tidak menonjol tetapi kekerapannya lebih tinggi daripada unsur kata yang lain, iaitu 11 (3.6%), masing-masing 5 dalam sampel bulan Mac dan 1 dalam sampel bulan Mei, dan 2 dalam sampel bulan Jun, 1 dalam sampel bulan Julai, dan 2 dalam sampel bulan Ogos.
6. Terdapat 1 (0.3%) penggunaan kata yang rancu dalam sampel bulan Januari.
7. Tidak ditemukan penggunaan ungkapan.

4.2.4 Akhbar *Berita Harian* tahun 1960 memperlihatkan penggunaan kata berdasarkan dapatan yang berikut:

Terdapat hanya 1 (0.45%) penggunaan kata tidak lazim. Contohnya ialah:

- (1) Beribu2 ra'ayat dan penduduk Persekutuan telah *memenoh sesakkan* jalan2 raya.... (4 April 1960)

Penggunaan kata lewah juga hanya 1 (0.45%). Contohnya ialah:

- (2) Kata-nya lagi *kalau sa-kira-nya* orang ramai membisu sahaja kerana takut menyuarakan fikiran mereka.... (13 Jun 1960)

Kata *memenoh sesakkan* amat tidak lazim penggunaannya, khususnya dalam konteks penggunaan bahasa pada tahun 1960-an. Penggunaan *kalau sa-kira-nya* pula menunjukkan bentuk yang lewah kerana merupakan kata hubung keterangan syarat yang sama maknanya.

Tentang item 4, hanya 10 (4.8%) ditemukan contoh kata yang merupakan istilah khusus atau jargon, iaitu 3 dalam (Januari), 1 (Februari), 1 (Mei), 1 (Jun), 1 (Julai), 2 (Ogos) dan 1 (Oktober). Contohnya :

(1) unit	
(2) diesel	
(3) tan	(4 Januari 1960)
(4) poster	(1 Februari 1960)
(5) padang kapal terbang	(23 Mei 1960)
(6) Farscist	(13 Jun 1960)
(7) tender	(4 Julai 1960)
(8) anasir2 subversib	
(9) asas-asas demokrasi	(1 Ogos 1960)
(10) konsep	(8 Oktober 1960)

Tentang item 5, terdapat penggunaan kata pinjaman sebanyak 22 (10.5%), 6 (Januari), 1 (Februari), 1 (April), 3 (Jun), 3 (Julai), 3 (September), 4 (Oktober) dan 1 (Disember). Contohnya :

(1) letrik	
(2) unit	
(3) diesel	
(4) tan	
(5) steshen	
(6) alat2 <i>generation</i>	(4 Januari 1960)
(7) <i>poster</i>	(1 Februari 1960)
(8) steshen kereta-api	(4 April 1960)
(9) komunis	
(10) Farscist	
(11) Penyakit malaria	(13 Jun 1960)
(12) <i>Memo</i>	
(13) <i>tender</i>	
(14) kontreker	(4 Julai 1960)
(15) anasir2 subversib	
(16) asas2 demokrasi	
(17) direktiv	(5 September 1960)
(18) konsep	
(19) projek	
(20) subversif	
(21) seksi	(8 Oktober 1960)
(22) projek	(5 Disember 1960)

Kekerapan yang tinggi ialah kata daripada bahasa Inggeris. Sebahagiannya telah diubahsuai menurut morfologi bahasa Melayu seperti *letrik*, *tan*, *steshen*, *komunis*, *kontrekter*, *seksi* dan sebagainya. Ada beberapa yang diambil langsung seperti *generation* dan *Farscist*.

Tentang penggunaan kata yang rancu pula (item 6) terdapat 3 (1.4%), ditemukan 1 (Januari), 1 (April) dan 1 (Disember). Contohnya :

- (1) Chukai itu *adalah* mengenakan beban ke atas dua perkhidmatan umum dan dua jenis perusahaan (4 Januari 1960)
- (2) Nobat Kedah *membunyikan* lagu2 duka.... (4 April 1960)
- (3) *Selain daripada* (5 Disember 1960)

Penggunaan kata pemeri *adalah* sebelum kata kerja *mengenakan* menyalahi tatabahasa. Kata *membunyikan* pula tidak tepat maknanya dan lebih sesuai digantikan dengan kata *memainkan*. Akhirnya, kata sendi *selain* tidak perlu disertai kata sendi *dari pada*.

Rumusan dapatan analisis data pada tahun ini adalah seperti yang berikut:

1. Rendahnya kekerapan kata dalam kategori abstrak, tidak lazim dan lewah, iaitu berjumlah 2 (0.9%). Jumlah penggunaan kata tidak lazim hanya 1 (0.45%) dan 1 (0.45%) juga penggunaan kata lewah. Tiada dikesan penggunaan kata abstrak.
2. Tidak ditemukan kata yang mendukung makna emotif, sebaliknya keseluruhan data menunjukkan penggunaan kata yang neutral maknanya.
3. Tidak ditemukan kata adjektif yang kabur maknanya, sebaliknya cukup tinggi kekerapan kata adjektif yang khusus maknanya.
4. Istilah dan jargon rendah sahaja kekerapan penggunaannya, iaitu 10 (4.8%) dan jauh lebih banyak kata yang biasa.

5. Kata pinjaman pun tidak begitu menonjol penggunaannya walaupun lebih tinggi kekerapannya jika dibandingkan dengan unsur-unsur 1-4 di atas. Jumlahnya ialah sebanyak 22 (10.5%).
6. Kata yang rancu pun rendah sahaja kekerapannya, iaitu 3 (1.4%).
7. Tiada penggunaan ungkapan dalam sampel.

#### 4.2.5 Sampel tahun 1961 menunjukkan dapatan yang berikut:

Tentang item 1 hanya terdapat 1 (0.3%) data penggunaan kata abstrak. Contohnya :

- |                     |                |
|---------------------|----------------|
| (1) Perolehan2 alam | (3 April 1961) |
|---------------------|----------------|

*Perolehan2 alam* ternyata bersifat abstrak kerana tidak bersifat spesifik atau konkret dari sudut jenis atau nama perolehan atau sumber alam yang dimaksudkan.

Untuk item 4 ditemukan 7 (2.2%) penggunaan istilah atau jargon, iaitu 1 (April), 1 (Jun), 1 (Ogos) dan 4 (September). Contohnya:

- |                                |                     |
|--------------------------------|---------------------|
| (1) penanaman modal            | (3 April 1961)      |
| (2) wang pertarohan            | (26 Jun 1961)       |
| (3) taraf pemerentahan sendiri | (21 Ogos 1961)      |
| (4) bantuan wajib              |                     |
| (5) undang2 tuboh              |                     |
| (6) Darjah M.A                 |                     |
| (7) pemuka                     | (11 September 1961) |

Tentang item 5 terdapat 24 (7.0%) penggunaan kata pinjaman, iaitu 3 (Januari), 1 (Februari), 5 (Mac), 1 (April), 2 (Mei), 1 (Jun), 3 (Julai), 3 (Ogos), 2 kali (September), 1 (Oktober), 1 (November) dan 1 (Disember). Contohnya :

- |                             |                   |
|-----------------------------|-------------------|
| (1) berpiket                |                   |
| (2) <i>form 1</i>           |                   |
| (3) <i>grad C</i>           | (9 Januari 1961)  |
| (4) krisis                  | (6 Februari 1961) |
| (5) pelajar2 <i>private</i> |                   |
| (6) inisiatif               |                   |
| (7) disiplin                |                   |
| (8) otonomi                 |                   |
| (9) diskriminasi            | (6 Mac 1961)      |

(10)	projek	(3 April 1961)
(11)	<i>deposit</i>	
(12)	parlemen	(22 Mei 1961)
(13)	<i>senator</i>	(26 Jun 1961)
(14)	barisan anti-Malaysia	
(15)	<i>front</i> bersama	
(16)	presiden	(10 Julai 1961)
(17)	memorandum	
(18)	<i>expatriate</i>	
(19)	kongres	(21 Ogos 1961)
(20)	kolej	
(21)	aktif	(21 September 1961)
(22)	<i>speaker</i>	(2 Oktober 1961)
(23)	<i>exco</i>	(6 November 1961)
(24)	<i>convention</i>	(18 Disember 1961)

Semua data kata pinjaman di atas bersumber daripada bahasa Inggeris. Yang telah diubahsuai, contohnya, termasuklah *piket*, *krisis*, *inisiatif*, *disiplin*, *otonomi*, *parlemen*, *kolej*, *aktif*. Yang diambil terus, misalnya, ialah *form*, *private*, *front*, *expatriate* dan *convention*.

Tentang kata yang rancu pula terdapat 7 (2.2%) data yang ditemukan dalam sampel.

(1)	putusan	(6 Mac 1961)
(2)	semua perkhidmatan2	
(3)	pembikinan	(3 April 1961)
(4)	seluroh negeri2 Borneo Utara	
(5)	beberapa orang pemimpin2	(10 Julai 1961)
(6)	Selatan Siam	
(7)	Malaysia bikinan ra'ayat	(21 Ogos 1961)

Bentuk kata *putusan* dalam contoh (1) tidak lengkap dari segi binaan katanya kerana kata dasar *putus* seharusnya menerima apitan *ke-an* untuk menerbitkan kata *keputusan*. Contoh (2) menyalahi bentuk jamak dalam bahasa Melayu kerana telah digunakan kata bilangan penunjuk jamak *semua*. Bentuk yang betul ialah *semua perkhidmatan*. Contoh (3) berkaitan dengan penggunaan kata bahasa basahan bagi *pembuatan*. Contoh (4) berkaitan dengan kesalahan bentuk jamak juga, iaitu seharusnya *seluroh negeri*.

Hal yang sama berlaku pada contoh (5) yang seharusnya ialah *beberapa orang pemimpin*. Data (6) berkaitan dengan makna akibat kesilapan dari sudut Hukum Diterangkan dan Menerangkan (D-M); yang sepatutnya ialah *Siam Selatan*. Data (7) berkaitan dengan penggunaan kata basahan yang juga salah maknanya, iaitu kata *bikinan* seharusnya *buatan*.

Sebagai rumusannya, tahun 1961 masih memperlihatkan pola penggunaan kata yang sama, iaitu keseluruhannya memenuhi ciri-ciri retorik penulisan berita yang berkesan. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan dapatan yang berikut :

1. Penggunaan kata yang abstrak amat rendah kekerapannya, iaitu 1 (0.3%).  
Tiada ditemukan kata tidak lazim dan kata lewah dalam sampel.
2. Sampel yang dikaji tidak menunjukkan adanya penggunaan kata yang bernada emotif, sebaliknya ditandai oleh penggunaan kata yang neutral.
3. Kata adjektif yang digunakan mewakili makna yang khusus dan tidak ditemukan penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan istilah dan jargon tidak dominan, iaitu 7 (2.2%) sahaja dan jauh lebih banyak penggunaan kata yang biasa.
5. Penggunaan kata pinjaman agak tinggi kekerapannya, berjumlah 24 (7.0%) berdasarkan taburan bagi setiap bulan sampel yang dikaji tetapi masih terkawal berbanding dengan kata asal dalam bahasa Melayu.
6. Kata yang rancu tidak begitu menonjol, iaitu 7 (2.2%).

#### 4.2.6 Analisis data tahun 1962 memperlihatkan dapatan yang berikut:

Bagi item 4 hanya terdapat 4 (2.2%) penggunaan istilah atau jargon, iaitu 2 (Mac), 1 (April), dan 1 (Mei). Contohnya:

- (1) gagasan Malaysia

(2)	rapat raksaka	(19 Mac 1962)
(3)	<i>chauvinism</i>	(30 April 1962)
(4)	meshuarat agong	(7 Mei 1962)

Untuk item 5 pula hanya terdapat 8 (4.4%) penggunaan kata pinjaman, iaitu 2 (April), 2 (Jun), 1 (Julai), 1 (Ogos), 1 (September) dan 1 (Oktober). Contohnya:

(1)	<i>chauvinism</i>	
(2)	agresif	(30 April 1962)
(3)	mu'tamar	
(4)	berjihad	(11 Jun 1962)
(5)	kabinet	(30 Julai 1962)
(6)	nobel	(6 Ogos 1962)
(7)	sistem kabinet	(17 September 1962)
(8)	kempen	(15 Oktober 1962)

Kata daripada bahasa Inggeris dan Arab mewakili kata pinjaman sampel tahun 1962.

Seluruh kata daripada bahasa Inggeris telah dimelayukan kecuali *chauvinism*.

Daripada huraihan di atas, sampel akhbar *Berita Harian* tahun 1962 memperlihatkan penggunaan kata yang jauh lebih mantap berdasarkan dapatan yang berikut:

1. Tidak ditemukan data penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tidak ditemukan kata yang bernada emotif.
3. Tidak ditemukan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Amat rendah kekerapan penggunaan istilah atau jargon, iaitu 4 (2.2%).
5. Agak rendah juga penggunaan kata pinjaman, 8 (4.4%) sahaja.
6. Tiada kata rancu terdapat dalam sampel yang dianalisis.
7. Tiada ditemukan penggunaan ungkapan.

4.2.7 Bagi tahun 1963 analisis data yang diperoleh adalah seperti yang berikut:

Contoh penggunaan kata yang abstrak dan sekali gus bernada emotif adalah masing-masing 1 (0.5%) seperti yang di bawah:

- (1) ... tokoh2 Islam yang *berbahasa shaitan*... (6 Mei 1963)

Penggunaan frasa yang dicetak miring itu bersifat abstrak dan tidak konkret maknanya kerana tidak jelas bentuk atau jenis bahasa yang digunakan. Selain itu, frasa tersebut turut mendukung nada emotif yang tidak sesuai dengan retorik penulisan berita.

Tentang penggunaan istilah/jargon pula jumlahnya hanya 1 (0.5%). Contoh yang digunakan ialah:

- (1) pemuka2 (25 Mac 1963)

Istilah tersebut merujuk kepada makna pemimpin.

Kata pinjaman diwakili oleh 3 (1.4%) data dan dapat dilihat penggunaannya pada contoh yang berikut:

- |                           |                    |
|---------------------------|--------------------|
| (1) moral                 | (21 Januari 1963)  |
| (2) sekretariat           | (24 Jun 1963)      |
| (3) <i>special Branch</i> | (11 November 1963) |

Dua contoh yang pertama merupakan kata yang telah dimelayukan, manakala yang ketiga diambil langsung daripada bahasa Inggeris.

Penggunaan kata dalam sampel akhbar *Berita Harian* tahun 1963 menunjukkan penggunaan kata yang mantap dari segi retoriknya. Rumusan yang diperoleh daripada analisis data adalah seperti yang berikut:

1. Penggunaan kata yang konkret maknanya sangat nyata dan hanya 1 (0.5%) ditemukan kata yang abstrak. Tiada ditemukan penggunaan kata tidak lazim atau kata lewah dalam sampel sepanjang tahun 1963.
2. Penggunaan kata yang neutral sangat tinggi kekerapannya dan hanya 1 (0.5%) ditemukan kata yang bernada emotif dalam sampel tahun 1963.
3. Kata adjektif yang digunakan mendukung makna yang khusus dan tidak ditemukan adjektif dengan makna yang kabur.
4. Istilah atau jargon hanya sekali (0.5%) sahaja ditemukan dalam sampel tahun 1963.
5. Kata pinjaman ternyata amat minimum dan hanya ditemukan 3 (1.4%) dalam sampel 1963.
6. Tidak ditemukan penggunaan kata yang rancu dalam sampel tersebut.
7. Tidak terdapat ungkapan.

#### 4.2.8 Analisis data tahun 1964 memperlihatkan dapatan yang berikut:

Untuk item 1 hanya ditemukan 2 data (0.6%) kata yang abstrak, iaitu dalam sampel bulan Ogos. Contohnya:

- (1) ... *mengoncang* keyakinan ra'ayat.
- (2) ... *menbenamkan* kemeriahian dan perpaduan ra'ayat (31 Ogos 1964)

Untuk item 4 pula terdapat 12 (3.9%) penggunaan istilah atau jargon, iaitu 1 (Mac), 1 (April), 2 (Mei), 4 (Jun), 2 (Julai), 1 (September) dan 1 (Disember).

Contohnya:

- |   |                 |
|---|-----------------|
| (1) kerahan tenaga kebangsaan             | (9 Mac 1964)    |
| (2) kelebihan suara mutlak dalam parlemen | (27 April 1964) |
| (3) meshuarat tergempar                   |                 |
| (4) tindakan perusahaan                   | (4 Mei 1964)    |
| (5) sidang punchak                        |                 |
| (6) sidang kemunchak                      |                 |
| (7) kenyataan bersama                     |                 |

(8)	kawat berita	(8 Jun 1964)
(9)	utusan damai	
(10)	hak asasi ra'ayat	(6 Julai 1964)
(11)	sukarelawan	(7 September 1964)
(12)	kuat kuasa	(28 Disember 1964)

Bagi item kelima pula terdapat 14 (4.6%) penggunaan kata pinjaman, iaitu 1 (Januari), 1 (Februari), 5 (Mei), 1 (Jun), 2 (Julai), 1 (September), 1 (November) dan 2 (Disember). Contohnya:

(1)	konfrantasi	(6 Januari 1964)
(2)	gurila	(24 Februari 1964)
(3)	<i>postmaster</i>	
(4)	skim gaji	
(5)	elaun khas	
(6)	elaun <i>in-charge</i>	
(7)	<i>postmaster time-scale</i>	(4 Mei 1964)
(8)	nota	(8 Jun 1964)
(9)	<i>material</i> dan moral	
(10)	negeri2 <i>Commonwealth</i>	(6 Julai 1964)
(11)	agen	(7 September 1964)
(12)	inisiatif	(9 November 1964)
(13)	helikopter	
(14)	motorbot	(28 Disember 1964)

Semua data menunjukkan bahawa kata pinjaman itu adalah daripada bahasa Inggeris. Sebahagian besar telah diubahsuaikan menurut morfologi bahasa Melayu, kecuali beberapa seperti *postmaster*, *time-scale*, *Commonwealth* dan *in-charge*.

Akhirnya, penggunaan kata yang mempunyai unsur ungkapan diwakili oleh 7 data (2.3%), iaitu 1 (April), 1 (Jun), 3 (Ogos), dan 2 (September). Contohnya:

(1)	di-sapu bersih	(27 April 1964)
(2)	musoh dalam selimut	(8 Jun 1964)
(3)	mengoncang keyakinan ra'ayat	
(4)	sinar harapan	
(5)	menbenamkan kemeriahinan dan perpaduan ra'ayat perpaduan ra'ayat	(31 Ogos 1964)
(6)	Indonesia dan China Komunis masing2 ingin menjadi bapa tiri atau bapa angkat kita	
(7)	'Firaun Sukarno'	(7 September 1964)

Berdasarkan contoh di atas dapat diperhatikan penggunaan unsur ungkapan yang tertentu, iaitu simpulan bahasa (*musoh dalam selimut*); kiasan (*bapa tiri, bapa angkat, 'Firaun' Sukarno dan sinar harapan*); dan diksi (*di-sapu berseh, mengoncang keyakinan ra'ayat, membenamkan kemeriahian dan perpaduan ra'ayat*).

Jelas bahawa sampel tahun 1964 menunjukkan penggunaan kata yang mantap juga. Namun demikian, sedikit kelainan berbanding dengan tahun 1963, penggunaan istilah atau jargon dan unsur kata pinjaman lebih tinggi kekerapannya. Di samping itu, terdapat pula penggunaan unsur ungkapan pada kata yang digunakan, iaitu satu ciri yang tidak ditemukan dalam sampel tahun-tahun sebelum ini. Dapatkan daripada rumusan yang dilakukan adalah seperti yang berikut:

1. Kata yang digunakan keseluruhannya konkret dan amat rendah kekerapan penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/le wah. Untuk item ini, hanya 2 (0.6%) kata abstrak digunakan. Tiada ditemukan kata tidak lazim dan kata le wah dalam tahun tersebut.
2. Kata yang neutral dan tidak bernada emotif sangat ketara dan tidak ditemukan sama sekali data kata emotif dalam sampel sepanjang tahun 1964.
3. Kata adjektif yang khusus maknanya digunakan dalam keseluruhan sampel dan tidak ditemukan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan kata yang biasa masih tetap tinggi kekerapannya tetapi penggunaan istilah atau jargon dapat dikesan sebanyak 12 (3.9%) dalam sampel tahun 1964.
5. Kata asal dalam bahasa Melayu yang digunakan tinggi kekerapannya berbanding kata pinjaman, tetapi ditemukan 14 ( 4.6%) penggunaan kata pinjaman dalam sampel.
6. Tidak dapat dikesan penggunaan kata yang rancu dalam sampel.

7. Terdapat unsur ungkapan sejumlah 7 (2.3%) yang digunakan dalam beberapa sampel.

4.2.9 Pada tahun 1965, sampel *Berita Harian* menunjukkan bahawa kata yang bernada emotif hanya 1 (0.4%), iaitu:

- (1) Beliau mensifatkan Presiden Sukarno sa-bagai manusia ‘buas’ yang tidak boleh di-perbaiki. (11 Januari 1965)

Penggunaan istilah atau jargon terdapat 11 (4.5%) penggunaannya, iaitu 3 (Januari), 1 (Februari), 3 (Mac), 1 (April), 2 (Julai), dan 1 (Ogos). Contohnya:

(1)	pasukan kawalan pantai	
(2)	unit pejuang sukarela	
(3)	kapal penyapu periok-api	(11 Januari 1965)
(4)	perentah berkurong	(1 Februari 1965)
(5)	kertas puteh	
(6)	pegawai perisekan	
(7)	rangkaian gerakan sabersib	(1 Mac 1965)
(8)	pasukan tentera berjalan kaki	(5 April 1965)
(9)	Kerajaan Pusat	
(10)	pinjaman wang tanpa faedah	(19 Julai 1965)
(11)	hubungan diplomatik	(9 Ogos 1965)

Selanjutnya, untuk kata pinjaman terdapat 9 (3.6%), iaitu 1 (Januari), 2 (Mac), 1 (April), 3 (Julai), 1 (Ogos), dan 1 (September). Contohnya:

(1)	motorbot torpedo	(11 Januari 1965)
(2)	komplotan	
(3)	sabersif	(1 Mac 1965)
(4)	batalion	(5 April 1965)
(5)	<i>formula</i>	
(6)	reaksi	
(7)	perdagangan <i>barter</i>	(19 Julai 1965)
(8)	ideologi	(9 Ogos 1965)
(9)	Kerajaan <i>Federal</i>	(6 September 1965)

Semua kata pinjaman itu bersumber daripada bahasa Inggeris dengan sebahagian besarnya telah dimelayukan, kecuali contoh seperti *formula*, *barter* dan *Federal*.

Akhirnya, tentang kata yang berunsur ungkapan, terdapat 3 (1.3%) penggunaannya, iaitu 1 (Julai) dan 2 (September). Contohnya:

(1)	orang tengah	(19 Julai 1965)
(2)	rapat	
(3)	pintu perundingan	(6 September 1965)

Unsur ungkapan yang digunakan meliputi simpulan bahasa (contoh (1)), daksi (contoh (2)), untuk maksud ‘mesyuarat’ dan kiasan (contoh (3)).

Pola penggunaan kata akhbar *Berita Harian* tahun 1965 tidak jauh berbeza daripada pola tahun-tahun sebelumnya. Rumusan data menunjukkan:

1. Penggunaan kata yang konkret maknanya amat tinggi kekerapannya dan tidak dapat dikesan data kata yang abstrak/tidak lazim/lewat dalam sampel.
2. Kata yang neutral mempunyai kekerapan yang tinggi dan hanya 1 (0.4%) kata yang bernada emotif.
3. Kata adjektif yang digunakan memberikan makna yang khusus dan tidak terdapat kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan kata yang biasa masih tetap dominan walaupun terdapat 11 (4.5%) penggunaan istilah atau jargon dalam beberapa sampel.
5. Penggunaan kata asal dalam bahasa Melayu tetap meluas walaupun terdapat 9 (3.6%) penggunaan kata pinjaman dalam beberapa sampel.
6. Tidak terdapat penggunaan kata yang rancu dalam sampel tahun 1965.
7. Amat minimum penggunaan kata yang berkaitan dengan ungkapan, iaitu sebanyak 3 (1.3%) sahaja.

4.2.10 Bagi tahun 1966 pula, sampel *Berita Harian* memaparkan dapatan analisis seperti yang di bawah:

Istilah atau jargon yang ditemukan hanya 2 (0.9%) dan contohnya ialah:

- |                            |                    |
|----------------------------|--------------------|
| (1) pos bungkusan udara    |                    |
| (2) perkhidmatan mel biasa | (19 Disember 1966) |

Kata pinjaman yang ditemukan berjumlah 3 (1.4%) dan contohnya ialah:

- |                                  |                    |
|----------------------------------|--------------------|
| (1) Polis “ <i>Field Force</i> ” | (28 Februari 1966) |
| (2) sekretariat                  | (11 Julai 1966)    |
| (3) <i>money order</i>           | (19 Disember 1966) |

Semua data berasal daripada bahasa Inggeris dan ada yang telah dimelayukan (*sekretariat* dan *polis*) sementara *Field Force* dan *money order* masih berbentuk bahasa Inggeris.

Kata yang berunsur ungkapan sebanyak 3 (1.4%) dan contohnya ialah:

- |   |                     |
|---|---------------------|
| (1) tongkat hikmat  | (11 Julai 1966)     |
| (2) meja perundingan  | (8 Ogos 1966)       |
| (3) Beliau mula di-jadualkan <i>terbang</i> ka-New York esok. | (19 September 1966) |

Tahun 1966 memperlihatkan kemantapan yang cukup tinggi dalam hal penggunaan kata dalam berita akhbar *Berita Harian* apabila diperoleh rumusan yang berikut:

1. Tidak ditemukan penggunaan kata abstrak tidak lazim/lewat dalam sampel. Ini bererti cukup tinggi kekerapan penggunaan kata yang konkret maknanya.
2. Tidak ditemukan kata yang bernada emotif dan ini bererti tinggi sekali kekerapan kata yang neutral.
3. Tidak ditemukan kata adjektif yang kabur maknanya dan ini bererti sangat tinggi kekerapan penggunaan kata adjektif yang khusus maknanya.

4. Hanya 2 (0.9%) dikesan penggunaan istilah atau jargon dan keseluruhannya sampel menggunakan kata yang biasa.
5. Teks asal bahasa Melayu amat tinggi darjah kekerapannya dan hanya 3 (1.4%) ditemukan kata pinjaman.
6. Tidak ditemukan penggunaan kata yang rancu dalam sampel.
7. Kata yang menggunakan unsur ungkapan hanya 3 (1.4%) ditemukan.

4.2.11 Analisis data 1967 adalah seperti yang berikut:

Terdapat sebanyak 4 (1.4%) istilah yang ditemukan dalam sampel. Contohnya:

(1)	rang undang2	(27 Februari 1967)
(2)	taktik	(24 Julai 1967)
(3)	kempen	(14 Ogos 1967)
(4)	pasport terbatas	(11 September 1967)

Unsur ungkapan 1 (0.4%) pada kata yang digunakan, iaitu berbentuk simpulan bahasa ialah:

(1)	rahasia angkut	(14 Ogos 1967)
-----	----------------	----------------

Sampel *Berita Harian* tahun 1967 turut memperlihatkan kemantapan dalam penggunaan kata. Rumusan yang berikut menggambarkan kenyataan tersebut:

1. Tidak ditemukan kata yang abstrak/tidak lazim/lewat dalam sampel dan ini bererti bahawa kata yang digunakan untuk menghasilkan berita ditandai oleh kata yang konkret maknanya.
2. Tidak ada data penggunaan kata yang bernada emotif dan keseluruhan katanya bernada neutral.
3. Tidak ditemukan data kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan istilah atau jargon hanya 4 (1.4%) dikesan dalam sampel.
5. Tidak ditemukan data kata pinjaman dalam sampel.

6. Tidak ditemukan penggunaan kata yang rancu.
7. Hanya 1 (0.4%) dikesan penggunaan kata yang ada unsur ungkapan.

4.2.12 Sampel *Berita Harian* 1968 menunjukkan dapatan yang berikut:

Terdapat penggunaan istilah berjumlah 8 (2.8%) dalam sampel, iaitu:

- |   |                    |
|---|--------------------|
| 1. pas kerja  | (1 April 1968)     |
| 2. bantuan teknik dan ekonomi                         |                    |
| 3. persefahaman antarabangsa                          |                    |
| 4. penanaman modal                                    |                    |
| 5. imej   | (17 Mei 1968)      |
| 6. kenyataan bersama                                  | (10 Jun 1968)      |
| 7. sidang <i>pleno</i>                                |                    |
| 8. pegawai pengembangan ( <i>extension officers</i> ) | (9 September 1968) |

Contoh kata pinjaman sebanyak 5 (1.7%) yang ditemukan sama dengan beberapa contoh istilah, iaitu:

- |  |                    |
|--|--------------------|
| (1) pas kerja  | (1 April 1968)     |
| (2) bantuan <i>teknik</i> dan <i>ekonomi</i>           |                    |
| (3) imej   | (27 Mei 1968)      |
| (4) sidang <i>pleno</i>                                |                    |
| (5) pegawai pengembangan ( <i>extension officers</i> ) | (9 September 1968) |

Semua kata pinjaman diambil daripada bahasa Inggeris dan semua telah dimelayukan, dengan sesetengahnya diberi padanan Inggerisnya, seperti *pegawai pengembangan* (*extension officers*).

Dapat dirumuskan bahawa tahun 1968 memperlihatkan kemantapan penggunaan kata yang cukup tinggi, lebih daripada tahun-tahun sebelumnya. Fakta tersebut berdasarkan rumusan yang berikut:

1. Tidak ditemukan penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/lewat dalam sampel.
2. Tidak ditemukan penggunaan kata yang bernada emotif dalam sampel.

3. Tidak ditemukan penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya dalam sampel.
4. Hanya 8 (2.8%) ditemukan data istilah atau jargon.
5. Hanya 5 (1.7%) ditemukan data kata pinjaman dalam sampel.
6. Tidak terdapat kata yang rancu.
7. Tidak dikesan penggunaan kata berunsur ungkapan.

4.2.13 Pada tahun 1969 dapatan daripada analisis data adalah seperti ini.

Penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya hanya 1 (0.4%) ditemukan, iaitu:

- (1) ... beberapa kawasan khasnya di-Kuala Lumpur yang maseh *tegang*.

(26 Mei 1969)

Penggunaan istilah atau jargon ada 5 (1.8%) dan terlihat pada contoh yang berikut:

(1)	anasir2 komunis	(1 Januari 1969)
(2)	perang ugama	(28 April 1969)
(3)	perentah berkurong	(2 Jun 1969)
(4)	rumahsakit	(7 Julai 1969)
(5)	Mageran (Majlis Gerakan Negara)	(3 November 1969)

Contoh kata pinjaman berjumlah 2 (0.7%) yang ditemukan ialah:

- (1) *manifesto* pilihanraya (3 Mac 1969)
- (2) *curfew* (7 Julai 1969)

Kata *curfew* yang diambil langsung daripada bahasa Inggeris mungkin bererti bahawa istilah *perintah berkurung* belum ada pada waktu itu.

Terdapat 1 (0.4%) kata rancu digunakan dalam sampel 1969, contohnya ialah:

- (1) lapan ratus butir jam tangan (22 Disember 1969)

Kesalahannya ialah penggunaan penjodoh bilangan *butir* untuk jam. Bentuk yang betul ialah *buah*.

Akhirnya, contoh penggunaan kata yang berunsur ungkapan, iaitu 3 (1.1%)

ialah:

- |     |   |                   |
|-----|---|-------------------|
| (1) | Baitul-Makdis <i>menghiris hati</i> seluroh umat Islam. | (28 April 1969)   |
| (2) | kongsi gelap  | (26 Mei 1969)     |
| (3) | sarang pengganas komunis                                | (20 Oktober 1969) |

Contoh (1) tergolong sebagai personafikasi, contoh (2) peribahasa dan contoh (3) kiasan.

Tahun 1969 masih memperlihatkan kemantapan penggunaan kata dalam berita akhbar *Berita Harian*. Rumusan yang diperoleh menunjukkan:

1. Tiada data kata yang abstrak/tidak lazim/lewat dalam sampel.
2. Tiada data kata yang bernada emotif dalam sampel.
3. Hanya 1 (0.4%) ditemukan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. 5 (1.8%) sahaja ditemukan istilah atau jargon
5. 2 (0.7%) sahaja penggunaan data kata pinjaman dalam sampel
6. Hanya 1 (0.4%) data kata yang rancu
7. 3 data (1.1%) ditemukan bagi kata yang berunsur ungkapan.

4.2.14 Berikut pula adalah dapatan analisis sampel *Berita Harian* bagi tahun 1970.

Penggunaan istilah yang digunakan adalah sebanyak 2 (0.6%) dan contohnya ialah:

- |     |                     |                |
|-----|---------------------|----------------|
| (1) | Negara2 BERKECHUALI |                |
| (2) | Sidang Kemunchak    | (10 Ogos 1970) |

Penggunaan kata pinjaman hanya 3 (1.0%). Contohnya:

- |     |                 |                |
|-----|-----------------|----------------|
| (1) | kalangan privet | (25 Mei 1970)  |
| (2) | <i>stable</i>   | (6 Julai 1970) |
| (3) | blok            | (10 Ogos 1970) |

Ketiga-tiga data adalah daripada bahasa Inggeris. Bentuk *privet* tidak lazim kerana yang lazim ialah *prebet*. Bentuk *stable* mungkin menunjukkan lewatnya bentuk yang telah dimelayukan, iaitu *stabil* digunakan dalam masyarakat.

Daripada huraian di atas, tahun 1970 turut menunjukkan penggunaan kata yang mantap dalam retorik penulisan berita akhbar *Berita Harian*. Analisis yang dilakukan menghasilkan rumusan yang berikut:

1. Penggunaan kata yang konkrit maknanya amat tinggi kekerapannya dan tidak ditemukan kata yang abstrak maknanya dalam sampel.
2. Penggunaan kata yang neutral nadanya amat ketara dan tidak dikesan adanya penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Kata adjektif yang digunakan mendokong makna yang khusus dan tidak ada kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan kata biasa jauh lebih tinggi kekerapannya dan hanya 2 (0.6%) dikesan penggunaan istilah atau jargon.
5. Kosa kata yang terdiri daripada kata asal dalam bahasa Melayu bersifat menyeluruh dan hanya 3 (1.0%) dikesan penggunaan kata pinjaman.
6. Tidak terdapat penggunaan kata yang rancu.
7. Tidak terdapat kata yang berunsur ungkapan.

4.2.15 Sampel akhbar *Berita Harian* 1971 memaparkan dapatan analisis seperti yang dibawah:

Penggunaan istilah yang ditemukan ialah 1 (0.3%), iaitu:

- |             |                    |
|-------------|--------------------|
| (1) komplot | (15 November 1971) |
|-------------|--------------------|

Penggunaan kata yang rancu sebanyak 2 (0.6%). Contohnya:

- |                        |                    |
|------------------------|--------------------|
| (1) mempertahan diri   | (15 November 1971) |
| (2) menasihat kerajaan | (20 Disember 1971) |

Kedua-duanya tidak lengkap dari segi binaan kata kerana tiada akhiran. Yang pertama seharusnya *mempertahankan* dan yang kedua *menasihati*.

Contoh ungkapan hanya 1 (0.3), iaitu:

- (1) ...*babak* permulaan perdagangan secara langsung antara kedua negara.

(30 Ogos 1971)

Jelas juga bahawa sampel akhbar *Berita Harian* tahun 1971 tetap memperlihatkan kemantapan penggunaan kata. Rumusan yang diperoleh menunjukkan:

1. Penggunaan kata yang konkrit maknanya dalam keseluruhan sampel.
2. Penggunaan kata yang neutral maknanya.
3. Tidak ada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan kata yang biasa dan hanya 1 (0.3%) penggunaan istilah.
5. Keseluruhan kosa katanya terdiri daripada kata asal dalam bahasa Melayu.
6. Tidak banyak kata yang rancu kecuali 2 (0.6%).
7. Tidak ketara penggunaan kata yang ada unsur ungkapan kecuali 1 (0.3%).

#### 4.2.16 Pada tahun 1972, analisis data memperlihatkan dapatan yang berikut:

Terdapat sejumlah 2 (0.8%) penggunaan kata yang abstrak. Contoh kata tersebut ialah:

- (1) Pemimpin2 perkapalan Malaysia dan Singapura bertolak ka-London hari ini untuk merancang *perjuangan besar* yang ka-dua untuk mendapatkan hak membawa barang2 dengan FEFC.... (12 Januari 1972)
- (2) Mereka yang berjumlah kira-kira 350,000 orang itu setakat ini hanya mendapat kenaikan 2 sen sahaja sekati, tidak seimbang dengan kenaikan yang *meroket* yang patut mereka terima itu. (23 Oktober 1972)

Dalam contoh (1), *perjuangan besar* terlalu abstrak bentuk dan maknanya, sementara kata *meroket* ternyata lewah atau berlebihan.

Penggunaan istilah pula adalah sebanyak 5 (2.0%). Contohnya ialah:

- |     |                                |                    |
|-----|--------------------------------|--------------------|
| (1) | Kerajaan Champoran             |                    |
| (2) | padang terbang                 | (14 Februari 1972) |
| (3) | rantau damai dan berkecuali    | (4 September 1972) |
| (4) | sistem ramalan banjir          |                    |
| (5) | sistem ramalan banjir otomatik | (6 November 1972)  |

Contoh kata pinjaman, iaitu 1 (0.4%) yang dikesan dalam sampel ialah:

- |     |           |                    |
|-----|-----------|--------------------|
| (1) | realistik | (4 September 1972) |
|-----|-----------|--------------------|

Tahun 1972 menunjukkan penggunaan kata yang mantap berdasarkan rumusan yang berikut:

1. Hanya dikesan 2 (0.8%) penggunaan kata yang abstrak. Tiada penggunaan kata tidak lazim dan kata lewah dapat ditemukan dalam sampel kajian.
2. Tidak dapat dikesan penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tidak ditemukan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Hanya 5 (2.0%) penggunaan istilah dalam sampel.
5. Hanya 1 (0.4%) kata pinjaman yang dikesan dalam sampel.
6. Tidak ada kata yang rancu bentuknya.
7. Tidak terdapat kata yang menggunakan unsur ungkapan.

4.2.17 Bagi tahun 1973, sampel *Berita Harian* memaparkan dapatan yang berikut:

Penggunaan istilah dalam sampel adalah sebanyak 12 (4.0%) dan contohnya ialah:

- |     |                             |                   |
|-----|-----------------------------|-------------------|
| (1) | pinjaman pusingan           |                   |
| (2) | bank perniagaan             |                   |
| (3) | ahli perniagaan kecil       |                   |
| (4) | Perbadanan Jaminan Kredit   |                   |
| (5) | Bank perdagangan            | (22 Januari 1973) |
| (6) | anasir-anasir anti-nasional | (12 Mac 1973)     |

- (7) Negara "dalam proses perusahaan"
- (8) Negara "separuh perusahaan"
- (9) Daya pengeluaran purata yang tinggi
- (10) Strategi pelaburan berlebihan
- (11) Perusahaan keluaran getah
- (12) kilang-kilang pembuatan

(26 November 1973)

Terdapat hanya 1 (0.3%) kata pinjaman yang digunakan dan contohnya ialah:

- (1) Ordinan Kawalan Harga (11 Jun 1973)

Jumlah kata rancu yang digunakan 1 (0.3%) juga. Contohnya ialah:

- (1) berasaskan kepada (11 Jun 1973)

Kata *berasaskan* tidak perlu disertai kata sendi *kepada*.

Akhirnya, contoh kata yang berunsur ungkapan, iaitu sebanyak 2 (0.7%) ialah:

- (1) rancangan kilat (22 Januari 1973)
- (2) petualang harga (24 Disember 1973)

Kedua-duanya berbentuk simpulan bahasa.

Sampel tahun 1973 menunjukkan kemantapan penggunaan kata dalam berita akhbar *Berita Harian*. Kecuali penggunaan istilah yang memperlihatkan sejumlah data yang lebih banyak daripada tahun-tahun sebelumnya (terdapat 12 (4.0%) penggunaannya), aspek-aspek lain tidak ketara perubahannya. Pengesahan dibuat berdasarkan rumusan yang berikut:

1. Tidak ada penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/lewat.
2. Tidak ada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tidak ada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Hanya terdapat 1 (0.3%) penggunaan kata pinjaman dalam sampel.
5. Hanya 1 (0.3%) dikesan penggunaan kata yang rancu.
6. Hanya 2 (0.7%) ditemukan penggunaan kata yang ada unsur ungkapan.

4.2.18 Analisis data tahun 1974 menunjukkan dapatan yang berikut:

Contoh istilah, iaitu sejumlah 4 (1.3%) yang ditemukan ialah:

- |     |                   |                   |
|-----|-------------------|-------------------|
| (1) | mata-mata gelap   |                   |
| (2) | rapat umum        | (7 Januari 1974)  |
| (3) | kempen anti-sorok | (11 Mac 1974)     |
| (4) | sukarelawan       | (14 Oktober 1974) |

Contoh kata pinjaman, iaitu sebanyak 5 (2.0%) pula ialah:

- |     |                        |                     |
|-----|------------------------|---------------------|
| (1) | eksploitasi            |                     |
| (2) | manipulasi             | (4 Februari 1974)   |
| (3) | hippi                  | (1 April 1974)      |
| (4) | <i>action oriented</i> | (26 Ogos 1974)      |
| (5) | nasionalis             | (23 September 1974) |

Semua data adalah kata ambilan daripada bahasa Inggeris dan telah dimelayukan, kecuali *action oriented*.

Sampel *Berita Harian* tahun 1974 menunjukkan pola yang sama, iaitu kemantapan penggunaan kata. Rumusan menunjukkan bahawa:

1. Tidak ada penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tidak ada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tidak ada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan kosa kata yang biasa sangat ketara dan hanya 4 (1.3%) ditemukan penggunaan istilah.
5. Penggunaan kata pinjaman tidak ketara, iaitu hanya 5 (2.0%) ditemukan.
6. Tidak ditemukan sama sekali kata yang rancu.
7. Tidak ditemukan juga kata yang berunsur ungkapan.

4.2.19 Pada tahun 1975, sampel *Berita Harian* memaparkan dapatan yang berikut:

Analisis data menemukan 3 (0.9%) kata abstrak. Contoh bagi item tersebut ialah:

- (1) penyakit masyarakat

- |     |                  |                |
|-----|------------------|----------------|
| (2) | barah masyarakat |                |
| (3) | nilai hidup      | (7 April 1975) |

Contoh penggunaan istilah, iaitu sebanyak 3 (0.9%) ialah:

- |     |                                    |                    |
|-----|------------------------------------|--------------------|
| (1) | pekeliling perkhidmatan            | (16 Jun 1975)      |
| (2) | masyarakat berdikari               | (13 Oktober 1975)  |
| (3) | lunas-lunas demokrasi dan keadilan | (24 November 1975) |

Contoh kata pinjaman sejumlah 9 (2.8%) pula ialah:

- |     |                   |                    |
|-----|-------------------|--------------------|
| (1) | minggu orientasi  | (21 Januari 1975)  |
| (2) | indastri          |                    |
| (3) | inflasi           |                    |
| (4) | firma             | (10 Februari 1975) |
| (5) | berstatus tinggi  |                    |
| (6) | poligami          |                    |
| (7) | resolusi muktamar | (10 Mac 1975)      |
| (8) | pablisiti         | (13 Oktober 1975)  |
| (9) | krisis            | (24 November 1975) |

Keseluruhan kata pinjaman di atas daripada bahasa Inggeris, kecuali *muktamar* (daripada bahasa Arab).

Sampel tahun 1975, walaupun memperlihatkan sedikit perbezaan umum masih dalam kategori penggunaan kata yang mantap. Rumusan menunjukkan:

1. Tidak besarnya jumlah kata yang abstrak maknanya, iaitu hanya 3 (0.9%) dikesan dalam sampel. Tiada penggunaan kata tidak lazim dan kata lewah dalam sampel tahun ini.
2. Tidak terdapat kata yang bernada emotif.
3. Tidak terdapat kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Kosa kata umumnya bersifat dominan dan hanya 3 (0.9%) penggunaan istilah.
5. Kata asal dalam bahasa Melayu tetap jauh lebih tinggi daripada kata pinjaman, 9 (2.8%) ditemukan.

6. Tiada kata yang rancu.
7. Tiada kata yang berunsur ungkapan.

4.2.20 Sementara itu, data tahun 1976 memperlihatkan dapatan yang berikut:

Kata abstrak yang ditemukan hanya 1 (0.3%) dan contohnya ialah:

- |                               |                 |
|-------------------------------|-----------------|
| (1) iklim pelaburan yang baik | (19 Julai 1976) |
|-------------------------------|-----------------|

Bagi kategori istilah/jargon, terdapat 4 (1.3%) yang digunakan. Contohnya ialah:

- |                     |                    |
|---------------------|--------------------|
| (1) pemodal asing   |                    |
| (2) pelaburan asing | (29 Mac 1976)      |
| (3) polis laut      | (21 Jun 1976)      |
| (4) perang saraf    | (22 November 1976) |

Terdapat 1 (0.3%) penggunaan kata pinjaman dan contohnya ialah:

- |               |                     |
|---------------|---------------------|
| (1) musabaqah | (13 September 1976) |
|---------------|---------------------|

Agak menarik bahawa kata ini diperkenalkan untuk menggantikan kata *pertandingan* (membaca al-Quran) yang telah digunakan sebelumnya.

Sampel *Berita Harian* tahun 1976 menunjukkan pola yang tetap mantap penggunaan katanya. Rumusan menunjukkan:

1. Hanya 1 (0.3%) dikesan penggunaan kata yang abstrak maknanya. Tiada penggunaan kata tidak lazim dan kata lewah.
2. Tiada data yang menunjukkan penggunaan kata bernada emotif
3. Tiada data penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Hanya 4 (1.3%) data dikesan tentang penggunaan istilah/jargon dan keseluruhan kosa katanya terdiri daripada kata biasa.

5. Penggunaan kata asal dalam bahasa Melayu cukup menonjol; hanya 1 (0.3%) ditemukan data kata pinjaman.
6. Tiada penggunaan kata yang rancu.
7. Tiada kata yang berasaskan ungkapan.

4.2.21 Akhbar *Berita Harian* tahun 1977 menunjukkan dapatan yang berikut:

Terdapat 6 (1.6%) istilah/jargon yang ditemukan dan contohnya ialah:

- |  |                   |
|--|-------------------|
| (1) kursus sivik                         |                   |
| (2) operasi saraf                        | (14 Mac 1977)     |
| (3) ilmu hisab                           |                   |
| (4) bidang sains teknikal dan vokesyenal | (2 Mei 1977)      |
| (5) pemerintahan kuasa darurat           |                   |
| (6) mesyuarat tergempar                  | (7 November 1977) |

Kata pinjaman yang dapat dikesan ialah 1 (0.3%), iaitu:

- |              |              |
|--------------|--------------|
| (1) profesen | (6 Jun 1977) |
|--------------|--------------|

Kata yang menggunakan unsur ungkapan hanya 1 (0.3%), iaitu:

- |                               |                   |
|-------------------------------|-------------------|
| (1) sambutan permaidani merah | (7 Februari 1977) |
|-------------------------------|-------------------|

Sampel tahun 1977 memperlihatkan kemantapan yang lebih tinggi dalam aspek penggunaan kata. Rumusan menunjukkan:

1. Tiada data penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tiada data penggunaan kata yang emotif.
3. Tiada data penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan kata biasa jauh lebih besar jumlahnya daripada penggunaan istilah/jargon, iaitu 6 (1.6%).
5. Penggunaan kata asal dalam bahasa Melayu cukup ketara; hanya 1 (0.3%) ditemukan kata pinjaman dalam sampel.

6. Tidak dikesan penggunaan kata yang rancu.
7. Penggunaan kata yang berbentuk ungkapan hanya 1 (0.3%) dikesan.

4.2.22 Tahun 1978 memperlihatkan pola dapatan yang berikut:

Penggunaan kata pinjaman yang ditemukan dalam sampel adalah sebanyak 6(1.4%) dan contohnya ialah:

(1)	fleksibel	(27 Mac 1978)
(2)	program yang <i>integrated</i>	
(3)	rancangan yang komprehensif	(17 April 1978)
(4)	sabotaj	(29 Mei 1978)
(5)	<i>serious</i>	(31 Julai 1978)
(6)	kongkrit	(20 November 1978)

Semua kata pinjaman adalah daripada bahasa Inggeris dan terlihat usaha memelayukan bentuknya, kecuali *integrated* dan *serious*.

Sampel tahun 1978 lebih tinggi lagi tahap kemantapan penggunaan katanya, berdasarkan rumusan yang berikut:

1. Tiada dikesan penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tiada data penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tiada data penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Tiada ditemukan istilah/jargon, dan keseluruhan kosa katanya menggunakan kata biasa.
5. Kata asal dalam bahasa Melayu ketara penggunaannya dan hanya 6 (1.4%) dikesan penggunaan kata pinjaman.
6. Tiada ditemukan data kata yang rancu.
7. Tiada kata yang menggunakan unsur ungkapan.

4.2.23 Pada tahun 1979, sampel *Berita Harian* menunjukkan dapatan yang berikut:

Contoh kata berkategori abstrak hanya 1 (0.3%) ditemukan, iaitu:

- (1) perkara yang tidak diingini (17 Ogos 1979)

Terdapat 8 (2.1%) penggunaan kata pinjaman. Contoh kata tersebut ialah:

- |     |                  |                |
|-----|------------------|----------------|
| (1) | kapitalis Melayu | (9 April 1979) |
| (2) | dieksplotasi     |                |
| (3) | draf bank        | (21 Mei 1979)  |
| (4) | sentimen         |                |
| (5) | sikap negatif    |                |
| (6) | peranan positif  |                |
| (7) | isiu             |                |
| (8) | dakyah           | (4 Jun 1979)   |

Semua, kecuali *dakyah* (daripada bahasa Arab) adalah kata pinjaman daripada bahasa Inggeris.

Kata yang berasaskan ungkapan ada 2 (0.5%), iaitu:

- (1) tuduhan liar  
(2) kata sakti (1 Januari 1979)

Sampel tahun 1979 pun menunjukkan tahap penggunaan kata yang mantap.

Rumusan analisis menunjukkan bahawa:

1. Hanya 1 (0.3%) dikesan penggunaan kata yang berkategori abstrak. Tiada penggunaan kata tidak lazim dan kata lewah.
2. Tiada data kata bernada emotif.
3. Tiada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Tidak dikesan penggunaan istilah/jargon.
5. Penggunaan kata asal dalam bahasa Melayu dominan; hanya 8 (2.1%) dikesan penggunaan kata pinjaman.

6. Tidak ditemukan kata yang rancu.
7. Hanya 2 (0.5%) ditemukan kata yang menggunakan unsur ungkapan.

4.2.24 Analisis data *Berita Harian* tahun 1980 memaparkan dapatan yang berikut:

Terdapat 1 (0.3%) penggunaan kata yang abstrak. Contohnya :

- (1) Lelaki tersebut dipercayai telah memberi minuman yang dipercayai bercampur dadah kepada seorang pengawal keselamatan sebelum dia *membuat kerja* dan menghilangkan diri. (21 April 1980)

Bagi kategori kata pinjaman, terdapat 5 (1.6%) yang ditemukan dalam sampel dan contohnya ialah:

- |                             |                    |
|-----------------------------|--------------------|
| (1) inisiatif               | (4 Ogos 1980)      |
| (2) strategi                |                    |
| (3) konteks                 |                    |
| (4) teknologi moden         |                    |
| (5) Menteri Tak Berpotfolio | (10 November 1980) |

Semua data menunjukkan bahawa penggunaan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris.

•  
Terdapat 6 (2.0%) penggunaan kata yang berunsur ungkapan dan contohnya ialah:

- |   |                   |
|---|-------------------|
| (1) dijilat api   |                   |
| (2) Api menjilat rumah mereka   | (7 Januari 1980)  |
| (3) Tuah ayam dapat dilihat tetapi nasib penyabung ayam memang sukar diramalkan | (4 Februari 1980) |
| (4) amaran keras  |                   |
| (5) permainan politik   | (2 Jun 1980)      |
| (6) mesyuarat meja bulat  | (4 Ogos 1980)     |

Dua unsur ungkapan yang digunakan ialah personifikasi (contoh (1) dan (2)), kiasan (contoh (3)) dan simpulan bahasa (contoh 4, 5 dan 6).

Sampel tahun 1980 masih menunjukkan tahap kemantapan yang tinggi dalam aspek penggunaan kata. Rumusan menunjukkan bahawa:

1. Hanya 1 (0.3%) kata berkategori abstrak yang terdapat dalam sampel. Tiada ditemukan kata tidak lazim dan kata lewah.

2. Tiada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tiada penggunaan kata yang adjektif.
4. Tiada penggunaan istilah/jargon.
5. Hanya 5 (1.6%) penggunaan kata pinjaman.
6. Tiada penggunaan kata yang rancu.
7. Hanya 6 (2.0%) penggunaan kata yang berunsur ungkapan.

4.2.25 Tahun 1981 menunjukkan pola dapatan seperti yang berikut:

Penggunaan kata adjektif yang kabur adalah berjumlah 1 (0.3%). Contohnya ialah:

- (1) Datuk Seri Dr. Mahathir berkata adalah merbahaya jika petani telah bergantung kepada bantuan kerajaan kerana jika kerajaan tidak dapat membantu sudah pasti mereka akan *lumpuh* untuk menjalankan perusahaan tersebut.

(6 April 1981)

Penggunaan istilah/jargon puja adalah sebanyak 3 (0.9%) dan contohnya:

- |                       |               |
|-----------------------|---------------|
| (1) kadar faedah      |               |
| (2) syarikat kewangan |               |
| (3) bank perdagangan  | (12 Mac 1981) |

Penggunaan kata pinjaman, iaitu berjumlah 24 (7.2%) terlihat pada contoh yang berikut:

- |                              |                   |
|------------------------------|-------------------|
| (1) dividen                  |                   |
| (2) prestasi                 |                   |
| (3) bonus                    |                   |
| (4) skim ASNB                | (12 Januari 1981) |
| (5) ideologi                 |                   |
| (6) strategi                 | (2 Februari 1981) |
| (7) risiko                   |                   |
| (8) aktiviti ekonomi         |                   |
| (9) sistem sosialis          | (2 Mac 1981)      |
| (10) kos pengeluaran         | (6 April 1981)    |
| (11) perkaderan              |                   |
| (12) konservatif             |                   |
| (13) kestabilan              |                   |
| (14) parti-parti komponan BN |                   |
| (15) diskriminasi            | (18 Mei 1981)     |

(16)	operasi	
(17)	projek	
(18)	sektor ekonomi	
(19)	berorientasikan keuntungan	(7 September 1981)
(20)	zon perdagangan bebas	
(21)	mesin " <i>radiation</i> "	
(22)	bilik " <i>Rediflow</i> "	(19 Oktober 1981)
(23)	model pemerintahan	
(24)	prinsip	(28 Disember 1981)

Semua kata pinjaman yang digunakan berasal daripada bahasa Inggeris, dan tampak usaha memelayukan bentuknya, kecuali *radiation* dan *Rediflow*.

Akhirnya, penggunaan kata yang berunsur ungkapan hanya 1 (0.3%) sahaja, iaitu:

(1)	kempen habis-habisan	(12 Januari 1981)
-----	----------------------	-------------------

Sampel tahun 1981 masih memperlihatkan kemantapan penggunaan kata pada kebanyakan aspek, walaupun terdapat perubahan pola pada aspek tertentu, khususnya aspek kata pinjaman yang menunjukkan peningkatan yang nyata. Rumusan analisis sampel tahun 1981 menunjukkan:

1. Tiadanya penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tiadanya penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Hanya 1 (0.3%) penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan kosa kata yang terdiri daripada kata biasa dan hanya 3 (0.9%) dikesan penggunaan istilah/jargon.
5. Penggunaan kata pinjaman meningkat dengan nyata berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya, iaitu 24 (7.2%) dikesan dalam sampel.
6. Tiada penggunaan kata yang rancu.
7. Hanya 1 (0.3%) dikesan penggunaan kata berunsur ungkapan.

4.2.26 Sampel *Berita Harian* tahun 1982 memperlihatkan dapatan analisis yang berikut: Contoh penggunaan kata yang abstrak, iaitu hanya 1 (0.3%) ialah:

- (1) Keadaan ekonomi negara diramalkan tidak beberapa *menggalakkan*.

(7 Jun 1982)

Contoh penggunaan kata pinjaman, iaitu 14 (4.4%) yang terdapat dalam sampel ialah:

(1)	tragedi	
(2)	helikopter	
(3)	komando	
(4)	<i>Cessna 206</i>	(4 Januari 1982)
(5)	demonstrasi kemenangan	(1 Februari 1982)
(6)	struktur organisasi	
(7)	etika pekerjaan	
(8)	<i>informal</i>	(7 Jun 1982)
(9)	skandal	
(10)	lot tanah	(6 September 1982)
(11)	konsesi	
(12)	ekuiti	
(13)	Bayaran "tribute"	(25 Oktober 1982)
(14)	<i>SIRIM</i> (Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia)	(6 Disember 1982)

Semua kata pinjaman berasal daripada bahasa Inggeris dengan sebahagian besarnya telah diubahsuai bentuknya menurut morfologi Melayu.

Penggunaan kata yang berunsur ungkapan pula adalah sebanyak 3 (0.9%).

Contohnya ialah:

- (1) Pilihanraya kebangsaan kini berada *di ambang pintu* apabila Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, kecuali Sabah dan Sarawak dibubarkan hari ini.  
(22 Mac 1982)
- (2) Perdana Menteri berkata PAS lebih dahsyat kerana berpaktat secara sulit dan *dalam gelap* dengan DAP....  
(19 April 1982)
- (3) tanah haram  
(6 September 1982)

Dua yang pertama ialah kiasan sementara yang ketiga ialah simpulan bahasa.

Sampel tahun 1982 kembali kepada pola yang menunjukkan kemantapan semua aspek penggunaan kata. Rumusan menunjukkan:

1. Hanya 1 (0.3%) dikesan penggunaan kata yang abstrak maknanya. Tiada penggunaan kata tidak lazim dan kata lewah.
2. Tidak ada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tidak ada penggunaan kata adjektif yang kabur.
4. Tidak dapat dikesan penggunaan istilah/jargon
5. Terdapat penggunaan kata pinjaman, iaitu sebanyak 14 (4.4%).
6. Tiada dikesan penggunaan kata yang rancu.
7. Hanya 3 (0.9%) dikesan penggunaan kata yang berunsur ungkapan.

#### 4.2.27 Tahun 1983 pula menghasilkan dapatan seperti yang berikut:

Penggunaan istilah/jargon yang ditemukan adalah sebanyak 6 (1.7%) dan memperlihatkan contoh di bawah:

(1)	proses perundangan	
(2)	proses perindustrian	(24 Januari 1983)
(3)	tanggungjawab sosial	(14 Mac 1983)
(4)	pasaran wang	
(5)	pelaburan jangkapendek	
(6)	pengetahuan teknikal	(6 Jun 1983)

Bagi item (5) contoh kata pinjaman dalam sampel yang ditemukan sama dengan contoh istilah/jargon yang tersenarai di atas.

Akhirnya, contoh penggunaan kata yang berunsur ungkapan, iaitu 4 (1.1%) ialah:

(1)	wabak video lucah	(14 Mac 1983)
(2)	memerangi dadah	(17 Oktober 1983)
(3)	kertas putih	
(4)	skandal pinjaman beribu-ribu juta ringgit	(14 November 1983)

Contoh (1), (3), dan (4) menunjukkan simpulan bahasa, sementara contoh (2) berkaitan dengan diksi.

Sampel tahun 1983 tidak memperlihatkan perubahan pola daripada tahun-tahun sebelumnya. Rumusan analisis menunjukkan:

1. Tidak ada penggunaan kata abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tidak ada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tidak ada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Terdapat penggunaan istilah/jargon dengan jumlah yang minimum, iaitu 6 (1.7%).
5. Penggunaan kata pinjaman menurun dengan nyata berbanding dengan tahun 1981 dan 1982, iaitu hanya 6 (1.7%).
6. Tidak terdapat penggunaan kata yang rancu.
7. Dikesan hanya 4 (1.1%) penggunaan kata yang berunsur ungkapan.

#### 4.2.28 Sampel *Berita Harian* 1984 memaparkan dapatan yang berikut:

Terdapat 5 (1.3%) penggunaan istilah yang terdapat dalam sampel tersebut.

Contohnya:

(1)	anasir subversif	(12 Mac 1984)
(2)	industri kraftangan	
(3)	teknologi separuh moden	(23 April 1984)
(4)	kuota eksport	(11 Jun 1984)
(5)	<i>status quo</i>	(16 Julai 1984)

Contoh kata pinjaman yang terdapat dalam sampel menyamai contoh istilah, dengan tambahan 1 data lagi, iaitu kata *berkaliber* (16 Julai 1984).

Penggunaan kata yang berunsur ungkapan pula hanya 1 (0.3%), iaitu dalam bentuk simpulan bahasa:

- (1) kertas putih (27 Ogos 1984)

Sampel tahun 1984 masih tetap dalam pola penggunaan kata yang mantap. Hal ini berdasarkan rumusan yang berikut:

1. Tidak dikesan penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tiada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tiada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Terdapat penggunaan istilah dalam jumlah yang minimum, iaitu 5 (1.3%).
5. Terdapat penggunaan kata pinjaman dengan jumlah yang minimum juga, iaitu 6 (1.6%).
6. Tidak dikesan penggunaan kata yang rancu.
7. Hanya 1 (0.3%) penggunaan kata yang berunsur ungkapan.

4.2.29 Pada tahun 1985, dapatan analisis adalah seperti yang berikut:

Kata yang berkategori abstrak ditemukan 1 (0.3%) sahaja. Contohnya:

- (1) pendukung *mandat* dan *amanah* serta membela nasib orang Melayu

(15 April 1985)

Terdapat sebanyak 7 (2.2%) penggunaan istilah/jargon dan diwakili oleh contoh yang berikut:

- |                                       |                     |
|---------------------------------------|---------------------|
| (1) keselamatan dan ketenteraman awam | (14 Januari 1985)   |
| (2) rombongan perdagangan             |                     |
| (3) sekatan perdagangan               |                     |
| (4) pasaran istimewa                  | (11 Februari 1985)  |
| (5) perpecahan umat                   | (15 April 1985)     |
| (6) sebab-sebab teknikal              | (8 Julai 1985)      |
| (7) nilai-nilai sejagat               | (16 September 1985) |

Penggunaan kata pinjaman sebanyak 7 (2.2%) juga dan contohnya ialah:

(1)	muktamar	
(2)	muktamar agung	
(3)	Dewan Muslimat	(15 April 1985)
(4)	skandal BMF	(27 Mei 1985)
(5)	<i>label</i>	
(6)	rekod	(3 Jun 1985)
(7)	teknikal	(8 Julai 1985)

Terdapat keseimbangan antara data kata pinjaman Inggeris dan Arab dalam senarai kata pinjaman bagi tahun 1985.

Hanya 1 (0.3%) kata berunsur ungkapan yang dikesan, iaitu:

- |     |                             |                 |
|-----|-----------------------------|-----------------|
| (1) | pendukung mandat dan amanah | (15 April 1985) |
|-----|-----------------------------|-----------------|

Kemantapan penggunaan kata dalam penulisan berita akhbar *Berita Harian* masih tertampil dalam sampel tahun 1985. Rumusan yang terhasil daripada analisis data ialah:

1. Amat minimum penggunaan kata yang abstrak, hanya 1 (0.3%) ditemukan dalam sampel. Tiada penggunaan kata tidak lazim dan kata lewah.
2. Tiada dikesan penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tiada dikesan penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Keseluruhan kosa katanya diwakili oleh kata biasa; hanya 7 (2.2%) digunakan istilah/jargon.
5. Penggunaan kata asal dalam bahasa Melayu jauh lebih dominan; hanya 7 (2.2%) dikesan penggunaan kata pinjaman.
6. Tiada dikesan penggunaan kata yang rancu.
7. Hanya 1 (0.3%) dikesan penggunaan kata yang berunsur ungkapan

4.2.30 Sampel *Berita Harian* 1986 memperlihatkan pola dapatan yang berikut:

Bagi kategori istilah/jargon, terdapat 6 (2.0%) data yang digunakan, iaitu:

(1)	kemelesetan ekonomi	(10 Mac 1986)
(2)	kepentingan nasionalis	(28 April 1986)
(3)	tanggungjawab sosial	
(4)	kebebasan akademik	
(5)	iklim akademik	(19 Mei 1986)
(6)	kelembapan ekonomi	(13 Oktober 1986)

Kata pinjaman berjumlah 4 (1.3%) dan contohnya ialah:

- (1) kepentingan nasional
  - (2) dalam konteks nasional
  
  - (3) emosi
  - (4) strategi
- (28 April 1986)

Sementara itu, kata berunsur ungkapan, iaitu sebanyak 6 (2.0%) yang ditemukan ialah:

- (1) perhitungan politik yang waras
  - (2) Cuaca mendung yang menyelubungi ibu kota
  - (3) Perayaan menyambut ulang tahun ke-29 kemenangan anak watan
  - (4) belenggu penjajahan
  - (5) Perarakan tahun ini juga penuh bertenaga
  - (6) kelembapan ekonomi
- (28 April 1986)  
(1 September 1986)  
(13 Oktober 1986)

Unsur yang dimanfaatkan ialah personifikasi (contoh 1 dan 5), simpulan bahasa (contoh 3,4, dan 6) dan diksi (contoh 2).

Pola penggunaan kata dalam sampel tahun 1986 tidak kelihatan berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya. Rumusan analisis data memperlihatkan bahawa:

1. Tiada penggunaan kata yang dikategorikan sebagai abstrak/tidak lazim/lewat.
2. Tiada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tiada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan istilah/jargon minimum, iaitu 6 (2.0%) sahaja.
5. Kata pinjaman hanya 4 (1.3%) dikesan dalam sampel.

6. Tiada kata yang rancu.
7. Penggunaan kata yang berunsur ungkapan terhad, iaitu hanya 6 (2.0%) ditemukan.

4.2.31 Pada tahun 1987, dapatan analisis adalah seperti yang berikut:

Bagi kategori istilah/jargon terdapat 3 (0.9%) yang digunakan dan contohnya ialah:

- |                                    |                |
|------------------------------------|----------------|
| (1) suasana pelaburan              | (4 Mei 1987)   |
| (2) jenayah perniagaan dan ekonomi | (1 Jun 1987)   |
| (3) imbalan perdagangan            | (11 Ogos 1987) |

Penggunaan kata pinjaman pula sebanyak 8 (2.5%). Contohnya ialah:

- |                    |                 |
|--------------------|-----------------|
| (1) berpotensi     |                 |
| (2) insentif       |                 |
| (3) tahap maksimum | (4 Mei 1987)    |
| (4) deposit        |                 |
| (5) konteks        |                 |
| (6) profesional    |                 |
| (7) bon            | (1 Jun 1987)    |
| (8) memorandum     | (20 Julai 1987) |

Semua kata pinjaman diambil daripada bahasa Inggeris dan telah dimelayukan.

Sampel tahun 1987 memperlihatkan tahap kemantapan penggunaan kata yang lebih tinggi apabila analisis data menghasilkan rumusan yang berikut:

1. Tiada penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tiada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tiada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Hanya 3 (0.9%) ditemukan istilah/jargon.
5. Penggunaan kata pinjaman masih minimum, iaitu 8 (2.5%) sahaja dikesan.
6. Tiada penggunaan kata yang rancu.

7. Tiada penggunaan kata yang berunsur ungkapan.

4.2.32 Sampel *Berita Harian* 1988 menunjukkan pola dapatan analisis seperti yang berikut: Jumlah penggunaan istilah/jargon dalam sampel adalah sebanyak 8 (3.0%).

Contohnya:

(1)	bahasa baku	
(2)	bahasa ilmu	(4 Januari 1988)
(3)	profesion	
(4)	profesion guaman	(11 Julai 1988)
(5)	perpaduan ummah	(24 Oktober 1988)
(6)	agensi kerajaan	
(7)	telekomunikasi	
(8)	program industrialisasi negara	(14 November 1988)

Penggunaan kata pinjaman pula adalah sebanyak 10 (3.7%). Contohnya ialah:

(1)	profesion	
(2)	<i>platform</i>	
(3)	resolusi	(11 Julai 1988)
(4)	operasi	
(5)	faktor	
(6)	industri	
(7)	agensi	
(8)	telekomunikasi	
(9)	program industrialisasi	(14 November 1988)
(10)	<i>exco</i>	(12 Disember 1988)

Semua kata pinjaman tahun 1988 bersumberkan bahasa Inggeris dan sebilangan besar telah dimelayukan.

Akhirnya, penggunaan ungkapan berjumlah 2 (0.7%) dan diwakili oleh contoh yang berikut:

(1)	rapat raksasa	
(2)	sejarah hitam	(6 Jun 1988)

Kedua-duanya ialah simpulan bahasa.

Sampel tahun 1988 melanjutkan pola penggunaan kata tahun-tahun sebelumnya, dengan rumusan yang berikut:

1. Tiada penggunaan kata yang yang berkategori abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tiada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tiada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Penggunaan kata yang biasa tetapi dominan, dengan hanya 8 (3.0%) penggunaan istilah/jargon.
5. Kata asal dalam bahasa Melayu menandai keseluruhan kosa kata dan penggunaan kata pinjaman terkawal jumlahnya, iaitu hanya 10 (3.7%).
6. Tidak ada penggunaan kata yang rancu.
7. Penggunaan ungkapan hanya 2 (0.7%) dikesan.

#### 4.2.33 Bagi tahun 1989, dapatannya adalah seperti yang berikut:

Hanya 1 (0.3%) penggunaan istilah/jargon dalam sampel tahun ini dan diwakili oleh:

- (1) pembedahan pintasan koronari (6 Februari 1989)

Kata pinjaman yang ditemukan sebanyak 3 (1.0%), iaitu:

- (1) demonstrasi (6 Februari 1989)  
(2) *Chef de Mission*  
(3) Sukan SEA (21 Ogos 1989)

Kecuali contoh (1) dan (3) yang bersumberkan bahasa Inggeris, contoh (2) asalnya ialah bahasa Perancis.

Penggunaan ungkapan pula sebanyak 1 (0.3%) dan diwakili oleh:

- (1) medan darah (5 Januari 1989)

Sampel tahun 1989 menunjukkan peningkatan tahap penggunaan kata yang mantap berdasarkan rumusan yang berikut:

1. Tiada penggunaan kata abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tiada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tiada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Istilah/jargon hanya sekali (0.3%) dikesan penggunaannya.
5. Kata pinjaman hanya dikesan sebanyak 3 (1.0%).
6. Tiada ditemukan kata yang rancu.
7. Ungkapan hanya 1 (0.3%) sahaja dikesan penggunaannya.

4.2.34 Sampel *Berita Harian* 1990 menghasilkan dapatan seperti yang di bawah:

Terdapat 7 (2.4%) istilah yang digunakan. Contohnya:

(1)	ubat antibiotik	
(2)	<i>IV Ticnam</i>	
(3)	cuti tanpa gaji	
(4)	farmasi	(12 Mac 1990)
(5)	demokrasi	(27 Ogos 1990)
(6)	belanjawan	
(7)	Ketua Eksekutif	(10 Disember 1990)

Jumlah kata pinjaman yang digunakan adalah sebanyak 25 (8.5%). Contohnya ialah:

(1)	era	
(2)	industri	
(3)	radio dan televisyen	(1 Januari 1990)
(4)	khurafat	(19 Februari 1990)
(5)	Jabatan Imigresen	
(6)	FRU	
(7)	bas ekspres	
(8)	kilometer	
(9)	doktor	
(10)	kedai farmasi	(12 Mac 1990)
(11)	meter	(9 April 1990)
(12)	pistol	
(13)	dolar	
(14)	nombor	(18 Jun 1990)

(15)	manifesto	
(16)	kestabilan	
(17)	kongres	(2 Julai 1990)
(18)	konsep	
(19)	demokrasi	
(20)	majoriti	(27 Ogos 1990)
(21)	presiden	(24 September 1990)
(22)	rekod	
(23)	kempen	
(24)	parti	(12 November 1990)
(25)	eksekutif	(10 Disember 1990)

Kecuali *khurafat* (bahasa Arab), semua data menunjukkan dominannya kata pinjaman daripada bahasa Inggeris.

Kata rancu yang ditemukan berjumlah 2 (0.7%) iaitu:

(1)	perletakan	(29 Oktober 1990)
(2)	berasaskan kepada	(12 November 1990)

Bagi contoh (1), bentuk yang betul ialah *peletakan*. Dalam kes kedua, kata kerja *berasaskan* tidak perlu disertai kata sendi *kepada*.

Akhirnya, hanya 1 (0.3%) ungkapan digunakan dan diwakili oleh:

- (1) Ribuan rakyat pelbagai lapisan *membanjiri* Dataran Merdeka

(1 Januari 1990)

Sampel tahun 1990 mempertahankan kemantapan penggunaan kata pada sebahagian besar aspek, seperti yang terlihat pada dapatan yang berikut:

1. Tiada dikesan penggunaan kata yang abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tiada penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tiada penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Ditemukan 7 (2.4%) sahaja penggunaan istilah/jargon.
5. Penggunaan kata pinjaman mencecah angka 25 (8.5%).

6. 2 (0.7%) sahaja kata rancu yang ditemukan.

7. Hanya 1 (0.3%) ungkapan digunakan.

Jelas bahawa hanya aspek kata pinjaman sahaja yang memperlihatkan kekerapan yang agak tinggi.

4.2.35 Pada tahun 1991, analisis data menunjukkan dapatan seperti yang berikut:

Penggunaan istilah/jargon yang digunakan adalah sebanyak 13 (4.0%).

Contohnya:

(1)	lokasi stesyen KTM	
(2)	aset penting	
(3)	kUARTERS kakitangan	(22 April 1991)
(4)	produktiviti	
(5)	skim tangga gaji baru	
(6)	jadual gaji matrik	
(7)	prestasi pekerja	
(8)	program pembangunan	(4 Oktober 1991)
(9)	resolusi	(18 November 1991)
(10)	<i>senator</i>	
(11)	<i>Speaker</i>	
(12)	Timbalan <i>Speaker</i>	
(13)	sektor swasta	(30 Disember 1991)

Terdapat 15 (4.6%) penggunaan kata pinjaman dan contohnya ialah:

(1)	lokasi	
(2)	stesyen	
(3)	aset	
(4)	kUARTERS	
(5)	bilion	
(6)	kargo	(22 April 1991)
(7)	positif	(26 Ogos 1991)
(8)	prestasi	
(9)	sentimen	
(10)	program	
(11)	prestasi	(4 Oktober 1991)
(12)	resolusi	(18 November 1991)
(13)	<i>senator</i>	
(14)	<i>Speaker</i>	
(15)	Sektor	(30 Disember 1991)

Semua kata pinjaman yang tersenarai adalah daripada bahasa Inggeris dan keseluruhannya telah dimelayukan.

Penggunaan ungkapan pula adalah sebanyak 2 (0.6%), iaitu:

- |     |                            |                    |
|-----|----------------------------|--------------------|
| (1) | Iembaran baru              | (11 Februari 1991) |
| (2) | indah khabar daripada rupa | (4 Oktober 1991)   |

Sampel tahun 1991 tidak memperlihatkan perubahan yang nyata, kecuali pada sedikit peningkatan penggunaan istilah dan kata pinjaman. Rumusan daripada analisis ialah:

1. Tidak ada penggunaan kata abstrak/tidak lazim/le wah.
2. Tiada dikesan penggunaan kata yang bernada emotif.
3. Tiada dikesan penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya.
4. Terdapat 13 (4.0%) istilah/jargon digunakan.
5. Terdapat 15 (4.6%) penggunaan kata pinjaman.
6. Tidak ada penggunaan kata yang rancu.
7. Hanya 2 (0.6%) ditemukan penggunaan ungkapan.

#### 4.2.36 Sampel *Berita Harian* 1992 memperlihatkan dapatan seperti yang berikut:

Penggunaan kata abstrak yang dikesan adalah berjumlah 1 (0.3%). Contohnya ialah:

- (1) *Keghairahan* mempertingkatkan kerjasama untuk bumiputera dan bukan bumiputera.... (19 Oktober 1992)

Penggunaan istilah/jargon sebanyak 15 (5.0%) dan contohnya ialah:

- |     |                           |                   |
|-----|---------------------------|-------------------|
| (1) | defisit perdagangan       | (27 Januari 1992) |
